

17/09/2003

Keangkuhan Barat punca rundingan WTO gagal

KEGAGALAN Mesyuarat Peringkat Menteri Kelima Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Cancun, Mexico kelmarin - mengulangi nasib yang sama dialaminya dalam pertemuan di Seattle, Amerika Syarikat pada 1999 - jelas menunjukkan kelemahan badan dunia yang ditubuhkan pada 1995 itu, sekali gus meninggalkan tanda tanya mengenai masa depan rundingan dagang antarabangsa berkenaan. Mesyuarat itu berakhir secara mengejut tanpa kemajuan dicapai apabila negara maju dan membangun gagal mencapai permuafakatan berhubung pendirian mereka mengenai pelbagai isu baru yang menjadi pertelingkahan dalam WTO kerana mereka mahukan penjelasan lanjut mengenai kesan isu-isu itu ke atas ekonomi domestik masing-masing.

Dengan mendakwa Malaysia dan India sebagai ketua komplot menghalang kesepakatan di kalangan negara membangun untuk memulakan rundingan mengenai dua perkara utama dalam Agenda Doha sebelum ini iaitu reformasi pertanian dan empat isu baru yang menjadi pertelingkahan - pelaburan, dasar persaingan, pemudah cara perdagangan dan ketelusan dalam pemerolehan kerajaan - negara Barat yang mewakili negara maju sebenarnya cuba mencari 'kambing hitam' untuk dipersalahkan berikutan kegagalan itu. Keadaan bertambah parah apabila beberapa kuasa besar, termasuk Jawatankuasa Senat Amerika, mengancam untuk bertindak balas, malah Amerika dilaporkan akan membuat senarai negara yang menyokong isu baru itu dan mereka yang menentanginya.

Seperti yang ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, negara maju bukan saja tidak mengambil kira pandangan negara membangun, malah hanya mahu memutuskan sesuatu yang memberi manfaat kepada mereka saja. Ini jelas menunjukkan sikap sebenar negara maju yang angkuh dan tidak bertanggungjawab apabila mereka mahukan setiap orang hanya melaksanakan agenda mereka secara membuta tuli tanpa mengambil kira kesannya dan nasib yang akan dihadapi negara membangun. Oleh itu, sewajarnya semua negara bersatu bagi memastikan WTO tidak membenarkan ancaman seperti itu menjadi kenyataan.

Sebenarnya, ada hikmah di sebalik kegagalan mesyuarat itu. Sekurang-kurangnya suara negara membangun kini semakin didengar dan tiada siapa yang dapat memperlekehkan mereka. Ia juga menunjukkan wujudnya kesepakatan hati di kalangan negara membangun yang mewakili lebih separuh daripada 148 anggota WTO untuk berhadapan dengan dua kuasa besar iaitu Amerika dan Kesatuan Eropah (EU). Ternyata, jika kita terus bercakap dengan satu suara, kita boleh berjaya dan kita juga mesti bersedia untuk tidak tunduk kepada pujuk rayu serta helah orang lain.